

27 JUL 2003

Thaksin-Tiba/I

THAKSIN TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

KUAH (LANGKAWI), 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra tiba pagi ini untuk lawatan kerja dua hari.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berada di sini untuk perbincangan tahunannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan merapatkan hubungan dan kerjasama antara Thailand dan Malaysia.

Perbincangan ini merupakan mesyuarat keempat antara kedua-dua pemimpin itu sejak Thaksin memegang jawatan itu pada 1999.

Perbincangan empat mata itu diikuti dengan mesyuarat delegasi di tempat penginapan di Teluk Datai, 45km dari sini petang ini. Mereka dijangka membincangkan kerjasama yang ada sekarang mengenai kawasan sempadan, isu batas sempadan dan perdagangan serta pelaburan di samping perkara-perkara serantau dan antarabangsa.

Projek saluran gas menghubungkan Thailand dan Malaysia, yang siap lewat kerana bantahan daripada penduduk tempatan, juga dijangka dibincangkan, kata para pegawai.

Thaksin dan Dr Mahathir dijadual merasmikan sesi dialog antara sektor swasta Thailand dan Malaysia yang akan berlangsung di sebuah hotel pagi ini.

Dialog Perkongsian Teknologi Perdagangan Malaysia-Thailand dianjurkan Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Perdana Menteri Thailand itu akan diraikan pada satu jamuan oleh Dr Mahathir malam ini.

--BERNAMA

TM ZS BK MAI